

Lirik Rap Sebagai Puisi Moden: Analisis Retorik, Semiotik dan Naratif Lagu ‘Ayuh’ Sebagai Runut Bunyi Filem *Polis Evo 3*

Rap Lyrics as Modern Poetry: A Rhetorical, Semiotic, And Narrative Analysis of the Song ‘Ayuh’ as The Soundtrack of the Film *Polis Evo 3*

**Faharol Zubir¹, Mohd Izwan Izhar Haris¹, Norlizawati Ghazali², Wan Norhaizar Harun¹, dan
Muhammad Bazli Mahmood¹**

¹Jabatan Bahasa dan Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan & Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis

²Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis

faharol@unimap.edu.my, mohdizwan@unimap.edu.my, norlizawati@uitm.edu.my,
haizar@unimap.edu.my, bazlimahmood@unimap.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan lirik lagu “Ayuh” sebagai teks budaya moden yang mengandungi pelbagai unsur retorik, semiotik dan naratif yang kompleks. Lagu ini, hasil kolaborasi empat artis ternama tanah air, telah dipilih kerana keupayaannya menyampaikan mesej perjuangan, trauma dan keadilan melalui bahasa puitik dan perlambangan mendalam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis teks yang berpandukan teori dramatism oleh Burke (1969), semiotik oleh Barthes (1977) dan pendekatan naratif mikro oleh Bamberg dan Georgakopoulou (2008). Analisis mendapati bahawa lirik lagu ini tidak hanya bersifat ekspresif tetapi turut berperanan sebagai wacana ideologi yang mencerminkan ketegangan antara sistem sosial dan konflik peribadi. Melalui pemetaan simbol seperti “rimau mati tinggalkan taring”, “Nina Bobo RPG7” dan “neraka atau sangkar”, penulis lirik memperlihatkan kedalaman emosi, kritikan sosial dan pergolatan identiti dalam struktur yang padat dan berlapis. Dapatkan kajian menegaskan bahawa lirik rap kontemporari Melayu wajar dikaji sebagai bentuk sastera moden yang sah dan berpotensi besar dalam wacana kesusasteraan dan budaya popular. Kajian ini juga mencadangkan kajian lanjutan terhadap lirik-lirik lain dalam genre muzik yang berbeza bagi memahami naratif identiti dan kuasa dalam konteks yang lebih luas.

Kata kekunci: Lirik lagu, retorik, semiotik, naratif mikro, rap Melayu, analisis teks

ABSTRACT

This study explores the lyrics of the song “Ayuh” as a modern cultural text that encompasses various rhetorical, semiotic, and narrative elements. The song, a collaboration between four prominent Malaysian artists, was selected for its ability to convey themes of struggle, trauma, and justice through poetic language and profound symbolism. This qualitative textual analysis is guided by Burke's dramatism theory (1969), Barthes' semiotic theory (1977), and the micro-narrative approach of Bamberg and Georgakopoulou (2008). The analysis reveals that the lyrics are not only expressive but also function as an ideological discourse that reflects the tension between social systems and personal conflict. Through symbolic mappings such as “a tiger leaves its fangs in death,” “Nina Bobo RPG7,” and “hell or a cage,” the lyricists demonstrate emotional depth, social critique, and identity struggle within a compact and layered structure. The findings affirm that contemporary Malay rap lyrics deserve scholarly attention as a legitimate form of modern literature with significant potential in literary and popular cultural discourse. The study also recommends further research on lyrics from other musical genres to explore identity and power narratives in broader cultural contexts.

Keywords: Song lyrics, rhetoric, semiotics, micro-narrative, Malay rap, textual analysis

PENGENALAN

Muzik rap telah lama wujud sebagai bentuk ekspresi budaya dan sosial, bukan sahaja di Barat, malah dalam konteks tempatan (Shah, 2006). Sejak kemunculan kumpulan perintis seperti KRU, Nico dan Too Phat pada era 1990-an dan awal 2000-an, genre ini telah mengalami evolusi daripada gaya persembahan yang dipengaruhi hip hop Amerika kepada satu bentuk identiti muzik yang lebih bersifat tempatan dan berakar dalam realiti masyarakat Melayu. Dalam dekad terkini, artis-artis seperti Malique, Aman RA, Altimet, dan Kmy Kmo meneruskan legasi ini dengan memperkuat penggunaan rap sebagai platform untuk menyampaikan naratif perjuangan, keresahan sosial, serta aspirasi bangsa. Lirik rap bukan sahaja mencerminkan perasaan dan pengalaman peribadi artis, tetapi juga menggambarkan wacana kolektif masyarakat yang diwakili mereka (Wafi & Zubaidah, 2023).

Salah satu karya yang menonjol dalam genre ini ialah lagu ‘Ayuh’, hasil kolaborasi antara Malique, Aman RA, Kmy Kmo dan Ernie Zakri. Lagu ini berperanan sebagai runut bunyi rasmi bagi filem *Polis Evo 3* (2023) dan membawa tema semangat perjuangan, patriotisme dan kekuatan moral. Dengan lirik yang padat dan berlapis, lagu ini memperlihatkan keupayaan rap sebagai teks puisi moden yang mengandungi unsur retorik, simbolisme dan naratif yang mendalam. Frasa-frasa seperti “rimau mati tinggalkan taring” berfungsi bukan sahaja sebagai slogan perjuangan, tetapi juga sebagai lambang nilai keberanian, keteguhan dan warisan bangsa. Di samping itu, penyampaian visual dan audio lagu ini memperkuat lagi kesan emosi dan ideologi yang ingin disampaikan kepada khalayak.

Namun, kajian akademik terhadap lirik lagu rap Melayu masih belum berkembang secara menyeluruh berbanding genre sastera moden yang lain seperti puisi dan cerpen (Wafi & Zubaidah, 2023). Lirik lagu ‘Ayuh’ wajar diteliti sebagai teks budaya moden yang sarat dengan unsur retorik dan semiotik, serta mempunyai struktur naratif yang membentuk identiti dan kesedaran kolektif. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan dua objektif utama:

1. Menganalisis unsur retorik dan semiotic dalam lirik lagu ‘Ayuh’ bagi memahami strategi penyampaian makna serta perlambangan yang digunakan untuk membentuk mesej sosial dan budaya; dan
2. Meneliti struktur naratif dalam lirik lagu tersebut untuk mengenal pasti bagaimana identiti, konflik dan aspirasi bangsa dibina melalui teknik penceritaan yang padat dan bermakna.

SOROTAN KAJIAN

Kajian terhadap lirik lagu sebagai teks budaya semakin berkembang dalam landskap penyelidikan muzik di Malaysia. Muzik rap, khususnya, menjadi medium ekspresif dalam menyampaikan identiti, emosi, dan kritik sosial. Dalam kajian tempatan, lirik sering dianggap sebagai bentuk puisi moden yang kaya dengan elemen retorik dan semiotik. Misalnya, kajian terhadap lirik lagu *Pejamkan Mata* oleh Malique menggunakan pendekatan retorik klasik dan moden bagi meneliti strategi naratif, penghujahan dan pemerian dalam menyampaikan mesej sosial yang mendalam (Wafi & Zubaidah, 2023). Kajian ini menegaskan bahawa retorik dalam lirik rap Melayu tidak sekadar berfungsi sebagai hiasan bahasa, tetapi sebagai alat penggugah kesedaran emosi dan sosial khalayak.

Dari sudut semiotik, lagu-lagu klasik Melayu turut dikaji untuk membongkar simbol dan tanda dalam lirik. (Hamid et al., 2010) telah menganalisis lirik lagu-lagu P. Ramlee. Mereka mendapati bahawa ikon, indeks dan simbol yang muncul dalam lirik tersebut mencerminkan unsur fizikal, psikologi dan budaya masyarakat Melayu. Dalam kajian lain yang lebih kontemporari, Faris Akram & Idruwani Idrus (2024) meneliti bagaimana unsur perlambangan dalam lagu *Teman*

Pengganti oleh Malique digunakan sebagai alat untuk menyampaikan naratif peribadi dan psikologi trauma. Kajian ini menggabungkan pendekatan semiotik dan analisis wacana secara mendalam, menjadikannya model berguna untuk analisis lirik rap moden.

Secara keseluruhan, sorotan ini menunjukkan bahawa lirik lagu di Malaysia, termasuk genre rap, telah dianalisis melalui pelbagai pendekatan teoritikal wacana kritis. Kesemua pendekatan ini membuktikan bahawa lirik bukan sekadar teks hiburan, tetapi sebuah ruang wacana yang mengandungi ideologi, simbol, dan kesedaran sosial. Pendekatan bersepada ini amat sesuai untuk diaplikasikan dalam kajian terhadap lirik-lirik rap yang sarat dengan simbolisme budaya dan makna sosial tersirat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis teks yang menggabungkan tiga kerangka teori utama: analisis retorik, analisis semiotik, dan analisis naratif. Analisis retorik diaplikasikan untuk mengenal pasti strategi linguistik dan gaya penyampaian dalam lirik, selaras dengan pendekatan dramatism oleh Burke (1969) yang menekankan lima elemen utama dalam pembinaan makna iaitu *act*, *scene*, *agent*, *agency* dan *purpose*. Pendekatan ini membolehkan peneliti menelusuri motif dan ideologi yang disampaikan secara tersirat melalui pilihan kata dan struktur frasa. Analisis semiotik pula menggunakan kerangka pemikiran Barthes (1977) yang membezakan antara makna denotatif dan konotatif serta konsep mitos budaya.

Di samping itu, kajian ini turut mengaplikasikan pendekatan analisis naratif sebagai pelengkap, berpandukan teori Small Story Narrative Analysis yang diperkenalkan oleh Bamberg dan Georgakopoulou (2008). Pendekatan ini memfokuskan kepada naratif berskala mikro yang terbentuk dalam teks pendek seperti lirik lagu, dan menekankan bagaimana identiti, konflik serta ideologi dibentuk melalui susunan wacana yang padat. Naratif dalam lirik rap tidak dianalisis sekadar berdasarkan struktur cerita tradisional, sebaliknya dilihat sebagai satu bentuk tindakan bahasa yang menempatkan subjek (*rapper*), pendengar dan kuasa budaya dalam hubungan yang dinamik dan kontekstual.

Kaedah ini digunakan untuk meneliti bagaimana naratif tentang perjuangan, keberanian, kematian dan legasi bangsa dibina dalam bentuk puisi moden melalui lirik lagu ‘Ayuh’. Prosedur analisis dijalankan secara induktif menerusi pembacaan dekat (*close reading*) terhadap baris-baris lirik, pengekodan tema-tema utama, serta pemetaan semantik dan simbolik yang berulang. Gabungan pendekatan retorik, semiotik dan naratif ini membolehkan tafsiran yang menyeluruh dan kontekstual terhadap makna yang ingin disampaikan oleh pencipta lagu, serta kesannya terhadap pembentukan identiti budaya dan kesedaran sosial dalam kalangan khalayak.

DAPATAN KAJIAN

Lagu “Ayuh” dipilih sebagai objek kajian kerana ia merupakan hasil kolaborasi antara tiga tokoh rap tempatan yang dikenali dengan kekuatan penulisan lirik yang bersifat puitik, simbolik dan berlapis makna: Kmy Kmo, Aman RA dan Malique. Ketiga-tiga artis ini telah membuktikan, melalui karya terdahulu mereka, keupayaan menghasilkan lirik yang bukan sahaja menarik dari sudut muzik tetapi juga tinggi nilai estetik dan pemikiran. Gabungan suara vokal oleh penyanyi Ernie Zakri pula menambah dimensi emosi dan kelembutan kepada tema keberanian dan perjuangan dalam lagu ini. Justeru, melalui pendekatan analisis teks berdasarkan teori retorik (Burke, 1969), semiotik (Barthes, 1977) dan naratif mikro (Bamberg & Georgakopoulou, 2008), kajian ini berusaha membongkar makna tersurat dan tersirat yang terkandung dalam lirik lagu ini.

Analisis Rangkap oleh Aman RA

Berdendang-dendang Nina Bobo RPG-7

Ayat ini menggunakan perlambangan lagu tidur kanak-kanak dari Indonesia iaitu “*Nina Bobo*”, yang membawa maksud “Nina, tidurlah.” Lagu ini memiliki sejarah lisan dan legenda seram yang popular sehingga menjadi sebahagian daripada *urban legend* di Indonesia. Menurut kisah yang tersebar, lagu ini dicipta oleh sepasang suami isteri untuk anak mereka, Nina, yang sukar untuk tidur. Sang ibu mengubah melodi, manakala si ayah menulis lirik, yang berbunyi seperti berikut:

“*Nina bobo, oh nina bobo*
Kalau tidak bobo, digigit nyamuk...”

Lagu ini menjadi menyeramkan selepas kematian Nina ketika berusia enam tahun. Namun begitu, pasangan tersebut dikatakan terus menyanyikan lagu itu pada setiap malam kerana mempercayai roh anak mereka masih memerlukan dendangan tersebut untuk tidur. Lagu ini kemudiannya dianggap ‘berhantu’ dan menjadi satu perlambangan bagi kegilaan, kehilangan dan gangguan jiwa.

Dalam lirik “Berdendang-dendang Nina Bobo RPG-7”, Aman RA mengangkat perlambangan tersebut untuk menggambarkan watak Reza (lakonan Sharnaaz Ahmad) yang kehilangan isteri dan anak, dan tidak dapat menerima kenyataan tersebut, sama seperti ibu bapa Nina. Namun, Aman RA tidak merujuk lagu ini dalam erti literal, sebaliknya menjadikan “*Nina Bobo*” sebagai simbol kepada dendangan penenang jiwa atau *lullaby* yang dalam konteks ini bukanlah melodi yang menenangkan, tetapi letupan bom tangan RPG-7.

Menurut kerangka semiotik Barthes (1977), RPG-7 dalam ayat ini membawa makna denotatif sebagai senjata, tetapi konotatifnya ialah ‘penenang’, ‘pengubat jiwa’ atau ‘alat untuk tidur’, yang secara sinis dan tragis menunjukkan kecelaruan jiwa Reza. Dalam konteks retorik, percanggahan antara “*lullaby*” dan “*RPG-7*” membentuk satu ironi yang kuat dan mengesankan, menampakkan konflik dalaman serta ketegangan mental watak. Aman RA memanipulasi pertembungan makna ini untuk menyampaikan kedalaman trauma dan dendam yang mengakar.

Dalam perspektif naratif mikro (Bamberg & Georgakopoulou, 2008), frasa ini menjadi sebahagian daripada naratif ringkas yang membina identiti watak Reza: seorang bapa yang kehilangan, terputus dari realiti, dan menjadikan keganasan sebagai ritual ‘menenangkan’, sama seperti ritual menyanyi dalam kisah *Nina Bobo*. Ia menggambarkan bahawa hanya apabila “dendangan RPG-7” dilaksanakan, barulah anak Reza (secara metafora) dapat ‘tidur’. Ini adalah satu simbol kepada dendam yang selesai, jiwa yang aman, atau kematian sebagai kelegaan.

Musuh dalam selimut boleh tidur

Ayat ini menunjukkan kontras yang mendalam dengan baris sebelumnya. Jika Reza tidak dapat tidur, yakni tidak memperoleh ketenangan, musuh-musuhnya pula digambarkan boleh tidur dengan lena. Ungkapan “musuh dalam selimut” dalam konteks ini membawa makna pengkhianatan dalam kalangan orang terdekat. Dalam semiotik, frasa ini berfungsi sebagai metafora berbudaya yang mewakili pengkhianat yang menyamar sebagai sekutu, tetapi sebenarnya membawa ancaman dari dalam.

Dari sudut dramatism (Burke, 1969), frasa ini menandakan perubahan *scene* dan *agent* iaitu musuh tidak lagi diletakkan di luar sistem, tetapi berada di dalam ruang kepercayaan. Dalam naratif mikro pula, ayat ini mencipta konflik antara watak dan dunia sosialnya: watak utama (Reza) kehilangan tempat bergantung, manakala pihak lawan terus menikmati keamanan yang palsu. Ironi ini digunakan secara retorik untuk menimbulkan ketidakadilan dan kemarahan,

sekaligus memperkuatkan naratif peribadi Reza sebagai individu yang hidupnya tidak akan tenang selagi keadilan tidak ditegakkan.

Rimau mati tinggalkan taring, tinggalkan taring

Baris pembuka ini menampilkan peribahasa yang telah dimodifikasi daripada pepatah klasik “Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama.” Aman RA tidak menggunakan pepatah ini secara langsung, sebaliknya menggantikannya dengan “taring”, yang memberi dimensi makna yang lebih mendalam dan bersifat aksi. Dalam kerangka semiotik Barthes (1977), “taring” membawa makna konotatif yang menonjolkan kekuatan, naluri menyerang, dan warisan keberanian. Ini adalah jauh lebih aktif daripada “belang” yang lebih bersifat pasif dan visual.

Dari sudut retorik, pengulangan frasa “tinggalkan taring” menimbulkan kesan tekanan emosi dan penguatan makna, selaras dengan teknik anaphora, iaitu satu strategi linguistik yang memberi penekanan terhadap mesej utama bahawa legasi seseorang bukan pada namanya, tetapi pada tindakannya. Dalam konteks dramatism Burke, “taring” mewakili *act* dan *agency* iaitu tindakan semasa hidup yang meninggalkan kesan kepada dunia. Penulis lirik ingin menyampaikan bahawa dalam dunia yang penuh cabaran, nama boleh dilupakan, tetapi kesan (atau luka, atau impak) yang ditinggalkan akan kekal, sama seperti taring harimau yang menjadi simbol kekuatan walaupun binatang itu sudah tiada.

Gajah mati tinggalkan gading, tinggalkan gading

Baris ini pula melanjutkan naratif sebelumnya dengan membawa makna simbolik yang berbeza. Gajah yang mati meninggalkan gading sering dikaitkan dengan kematian tragis akibat pemburuan, berbeza dengan imej harimau yang mungkin mati secara alami. Dalam semiotik, gading melambangkan nilai komersial, ketamakan dan eksloitasi. Maka, apabila lirik ini diletakkan selepas “tinggalkan taring”, ia seolah-olah menunjukkan dua jenis legasi iaitu yang aktif dan gagah (taring), dan yang pasif dan menjadi mangsa (gading). Aman RA menggambarkan bahawa manusia dalam kehidupan ini mungkin memainkan dua peranan berbeza iaitu sebagai pemangsa atau mangsa namun kedua-duanya tetap meninggalkan kesan.

Dari sudut naratif sosial, ini memberi ruang kepada tafsiran bahawa naratif manusia tidak tunggal. Kita boleh menjadi kuat atau tertindas, namun apa yang kita tinggalkan tetap memberi impak. Dalam dramatism, ini menggambarkan pertukaran *scene* dan *purpose* iaitu bagaimana konteks dan niat hidup menentukan warisan yang kita tinggalkan.

Interpretasi keseluruhan rangkap ini menunjukkan bahawa Aman RA tidak berminat untuk memuja nama atau kemasyhuran kosong, tetapi lebih menekankan tindakan dan kesan nyata selaras dengan nilai-nilai dalam puisi modernis dan wacana pascakolonial yang sering menolak simbol kuasa pasif (seperti ‘nama’) dan mengangkat nilai perbuatan (seperti ‘taring’).

Akta 574 Fasal 440

Kanun Keseksaan Malaysia (Akta 574) merupakan perundangan utama yang digubal bagi membolehkan seseorang individu dihukum atas kesalahan jenayah yang dilakukan. Fasal 440 dalam akta ini merujuk secara khusus kepada jenayah khianat yang dilakukan dalam keadaan huru-hara atau kekacauan. Seksyen 440(b) memperuntukkan bahawa mana-mana individu yang telah membuat persediaan untuk menyebabkan kematian, kecederaan atau halangan salah terhadap orang lain, dan tindakan tersebut dilakukan dalam kekacauan, boleh dihukum penjara sehingga lima tahun dan boleh juga dikenakan denda.

Rujukan kepada Akta 574 Fasal 440 dalam lirik ini sangat tepat dengan latar perwatakan Reza, iaitu individu yang bertindak meletupkan tempat-tempat awam sebagai saluran membala dendam atas kehilangan anak dan isterinya. Aman RA dengan sengaja menyisipkan rujukan perundangan ini sebagai satu bentuk retorik autoritatif, yang bukan sahaja memperkuuh realiti jenayah yang digambarkan, tetapi juga memberikan impikasi perundangan terhadap naratif tindakan Reza. Dalam kerangka dramatism oleh Burke, perbuatan Reza ialah manifestasi tindakan (*act*) dalam latar (*scene*) yang penuh kekacauan, dan alat (*agency*) yang digunakan ialah letupan. Manakala dalam kerangka semiotik, penyebutan nombor akta itu sendiri bertindak sebagai simbol kepada keseriusan dan kesan jenayah yang dilakukan, bukan sekadar perbuatan emosi atau simbolik.

Dendam sokong membawa rebah terlopong

Baris ini memaparkan makna yang mendalam dan bersifat reflektif. Ia menggambarkan Reza sebagai watak yang hidup berpaksikan dendam, dan bertindak berdasarkan dorongan tersebut. Secara umum, ramai individu menyimpan dendam dalam hati, namun kebanyakannya tidak bertindak atas dasar dendam tersebut kerana terikat dengan nilai agama, norma sosial dan tanggungjawab moral. Sebaliknya, Reza mengambil jalan untuk menyokong dendamnya, yakni menjadikan dendam sebagai asas tindakannya.

Frasa “membawa rebah terlopong” menjadi simbolik kepada kejatuhan mutlak. Rebah secara fizikal, terlopong secara emosi dan spiritual. Dalam semiotik Barthes, frasa ini membawa makna konotatif yang menggabungkan kegagalan moral, kehilangan hala tuju dan kemuhsanan diri. Ia juga menyiratkan maksud kematian, yakni kehancuran total akibat tidak mampu mengawal dorongan dendam. Dalam naratif mikro (Bamberg & Georgakopoulou), baris ini menutup cerita peribadi Reza sebagai watak yang bermula dengan trauma dan berakhir dengan kehancuran, lalu membentuk satu naratif mini tentang manusia yang gagal berdamai dengan luka silamnya.

Secara retorik, Aman RA membina pengajaran implisit di sebalik lirik ini. Melalui ironi yang halus, beliau memperlihatkan bahawa membiarkan dendam menguasai hidup akhirnya membawa kepada kehancuran yang sia-sia, seperti yang berlaku kepada Reza dalam penutup filem. Lirik ini mengajak pendengar untuk merenung pilihan hidup, sama ada memilih untuk memaafkan, atau rebah kerana menyokong kemarahan.

Hujan darah bila kepala anginku bersiru

Dalam baris ini, frasa “kepala anginku bersiru” membawa maksud perubahan arah fikiran atau emosi seseorang. Perkataan “bersiru” merujuk kepada perubahan laluan atau haluan, dan dalam konteks ini menunjukkan perubahan personaliti watak Reza daripada seorang anggota polis kepada seorang penjenayah yang kejam. Frasa ini disusun secara puitik untuk menggambarkan titik perubahan watak yang kritikal.

Perlambangan “hujan darah” pula membawa makna konotatif kepada kematian yang meluas dan penuh keganasan. Dalam kerangka semiotik Barthes, “hujan darah” bukan sekadar peristiwa fizikal, tetapi tanda kepada kejatuhan nilai, kebinasaan dan kekacauan yang dibawa oleh seseorang yang dahulunya membawa amanah keadilan. Ia menandakan bahawa perubahan emosi Reza bukan bersifat kecil atau kendur, tetapi ekstrem dan membawa akibat besar.

Dari perspektif dramatism Burke, perubahan ini merupakan peralihan antara dua peranan sosial Reza sebagai pelindung (polis) bertukar menjadi pelaksana kehancuran (penjenayah), dengan letusan emosi menjadi alat utama (*agency*) bagi mencapai apa yang dianggapnya sebagai keadilan peribadi. Naratif ini menjelaskan bahawa bila “angin” atau emosi Reza berubah haluan, yang menyusul bukan lagi tindakan rasional, tetapi bencana berdarah.

Rasakan amarah bergelora dalam diriku

Baris ini menunjukkan bahawa Reza tidak hanya mahu membala dendam, tetapi juga ingin memastikan semua pihak yang terlibat dalam kematian anak dan isterinya turut merasai kesakitan emosi yang dilaluinya. Ini termasuklah menyebabkan penderitaan kepada individu yang tidak bersalah, tetapi mempunyai hubungan dengan pihak yang dianggap bertanggungjawab. Strategi dendam Reza bersifat simbolik dan menyasarkan pemindahan trauma.

Dalam teori retorik, baris ini merupakan bentuk seruan emosi (pathos) yang bertujuan memindahkan penderitaan batin watak kepada pendengar atau pembaca. Ia mengajak kita untuk memasuki ruang jiwa yang luka dan penuh amarah. Sementara itu, dalam kerangka naratif mikro, ayat ini berfungsi membina watak yang kompleks. Reza bukan sahaja ingin membala, tetapi juga mahu orang lain menanggung rasa marah, kekosongan dan kekecewaan yang sama seperti dirinya.

Dari sudut semiotik, "marah bergelora" ialah simbol emosi yang tidak terkawal, menyerupai fenomena alam seperti badai atau letusan. Ia menandakan bahawa dendam bukan sekadar tindakan luaran, tetapi desakan dalaman yang mendesak untuk dilepaskan. Aman RA dengan bijak menyampaikan bahawa dendam itu bukan tentang membala setimpal, tetapi tentang menyamakan luka dalam bentuk paling tragik iaitu dengan mencipta luka baru dalam hidup orang lain.

Perang bermalaikat sabung berjuara

Baris ini menggunakan bentuk peribahasa yang tidak lazim dalam kalangan masyarakat Malaysia. Ia bukan peribahasa yang sering didengar atau dibincangkan dalam budaya Melayu arus perdana, namun mengandungi keindahan bahasa dan kedalaman maksud yang wajar dihargai sebagai peribahasa moden atau adaptasi kreatif. Frasa ini membawa maksud bahawa manusia boleh berusaha sedaya upaya, namun pada akhirnya, keputusan akhir sama ada menang atau kalah ditentukan oleh kuasa Tuhan.

Dalam kerangka semiotik Barthes, ungkapan ini mengandungi lapisan makna yang kompleks. "Perang" dan "sabung" merujuk kepada konflik dan perjuangan, manakala "malaikat" dan "juara" pula membawa simbol kekuatan spiritual dan kemenangan. Gabungan unsur fizikal dan metafizik ini menandakan bahawa pertarungan bukan hanya berlaku di medan zahir, tetapi juga melibatkan pertimbangan nilai, keadilan dan takdir.

Dari perspektif retorik, frasa ini menggunakan kontras dualistik iaitu usaha manusia (perang, sabung) dengan kuasa Ilahi (malaikat, penentu juara) bagi menimbulkan kesan mendalam tentang keterbatasan kuasa manusia dalam mengatur hasil.

Di mudik sebulakan, dihilir semuara

Baris ini pula membawakan peribahasa yang melambangkan kesepadan dan kekuatan dalam satu kumpulan. *Bulakan* bermaksud pancaran air yang menjadi air tergenang, manakala *semuara* ialah takungan air yang besar. Dalam konteks ini, lirik ini menggambarkan pasukan polis sebagai satu unit yang bersatu teguh dari hulu hingga ke hilir. Ia menekankan bahawa kekuatan pasukan itu tidak hanya terletak pada individu, tetapi pada kesatuan yang menyeluruh dan menyelaras dari akar ke pucuk.

Dalam semiotik, frasa ini membentuk simbol kepada sistem organisasi yang kukuh dan menyeluruh. Ia menandakan bahawa walaupun pertembungan berlaku dalam bentuk individu (polis dan penjenayah), kekuatan sebenar polis ialah sistem sokongan kolektif yang menyatu dari

atas ke bawah. Dari sudut naratif mikro, baris ini membina latar watak kolektif bahawa polis bukan hanya satu watak, tetapi satu entiti sosial yang digerakkan oleh prinsip kesatuan dan tanggungjawab bersama.

Kedua-dua peribahasa ini, apabila dianalisis dalam satu konteks yang sama, memberikan makna naratif yang saling melengkapi. Pertama, bahawa kemenangan bukan ditentukan sepenuhnya oleh kekuatan fizikal atau strategi, tetapi oleh ketentuan Ilahi. Kedua, bahawa pihak polis merupakan satu entiti yang stabil, tersusun dan bersedia, menjadikan pertarungan yang dihadapi mereka sebagai satu risiko yang terkawal dan telah pun dihitung. Dalam hal ini, Aman RA bukan sahaja menulis lirik puitik, tetapi membina satu falsafah perjuangan yang halus tetapi mendalam.

Analisis Rangkap oleh Ernie Zakri

**123 musuh berlari
Yang mana mahu diratah si belang
Kemana sekalipun akan kucari
Tak kira gelita atau benderang**

Rangkap ini merupakan modifikasi kepada pantun klasik Melayu yang berbunyi:

*Dua tiga kucing berlari,
Manakan sama si kucing belang,
Dua tiga boleh ku cari,
Manakan sama cik abang ku sorang.*

Dalam pantun asal, suasana dan nadanya bersifat romantik, lembut dan menggambarkan keistimewaan seorang kekasih. Namun dalam lirik ini, suasana telah berubah sepenuhnya kepada nada ancaman dan peringatan tegas. Perubahan mood ini merupakan contoh transformasi retorik iaitu menukar fungsi asal teks puisi kepada bentuk yang mengandungi mesej kekuatan, keberanian dan amaran keras terhadap pihak lawan.

Menariknya, pengucap rangkap ini ialah seorang wanita (Ernie Zakri), sama seperti dalam pantun asal. Dalam kerangka naratif mikro oleh Bamberg dan Georgakopoulou, penyampaian ini membina watak feminin yang bukan sekadar simbol kelembutan, tetapi kini menjadi suara yang membawa amaran keras. Ia menyampaikan mesej bahawa kuasa tidak lagi bersifat jantina yang mana suara wanita juga menjadi suara kekuasaan dan tindakan.

Secara semiotik, frasa “si belang” merujuk kepada harimau, yang dalam budaya Melayu ialah simbol keberanian, kekuatan dan kemegahan. Dalam konteks ini, “diratah si belang” membawa makna konotatif bahawa penjenayah akan diburu dan dikalahkan oleh kekuatan pihak berkuasa yang digambarkan sebagai harimau. “Gelita atau benderang” pula melambangkan keazaman mutlak iaitu tiada tempat selamat. Si pelaku akan dikesan dalam apa juar keadaan.

**Mana kepala pendekar?
Gempita biar kudampar**

Rangkap ini menyambung nada cabaran dalam bentuk puisi aksi. Soalan retorik “Mana kepala pendekar?” adalah bentuk seruan konfrontasi yang mencabar ketua pihak lawan untuk tampil. Dalam tradisi sastera Melayu, pendekar ialah simbol kehormatan dan kekuatan, justeru persoalan ini seolah-olah mencabar kredibiliti penjenayah sebagai ‘pendekar palsu’.

Frasa “Gempita biar kudampar” membawa gambaran suasana pertempuran yang dahsyat. “Gempita” ialah bunyi bising yang menggambarkan suasana kekacauan atau peperangan, manakala “kudampar” bermaksud menghumban atau menghancurkan. Dari sudut retorik

dramatism, ini menggambarkan tindakan simbolik dan dramatik pihak berkuasa yang bukan sekadar menentang, tetapi menghancurkan musuh secara terbuka.

Sila pilih antara dua Neraka ataupun sangkar

Rangkap ini ialah kemuncak ancaman. Pilihan yang diberi kepada penjenayah amat terbatas. Mati (yang digambarkan sebagai neraka) atau ditangkap hidup-hidup dan dimasukkan ke dalam "sangkar" (iaitu penjara). Dari sudut semiotik, perkataan "neraka" bukan sekadar menunjukkan kematian, tetapi menandakan hukuman akhirat, yang keras dan tidak boleh dirunding. Manakala "sangkar" membawa implikasi bahawa penjenayah dianggap seperti haiwan yang dikurung. Mereka telah hilang hak sebagai manusia.

Dalam retorik, penggunaan dikotomi ekstrem ini membina bentuk ultimatum. Ia menunjukkan bahawa pihak polis dalam lirik ini tidak memberi ruang kompromi. Dalam naratif mikro, dua pilihan ini bukan sahaja menggambarkan tindakan, tetapi juga mencerminkan ideologi tegas pihak berkuasa iaitu tiada jalan tengah, tiada maaf, dan tiada perbincangan.

KESIMPULAN

Kajian ini telah menganalisis lirik lagu "Ayuh" yang merupakan hasil kolaborasi antara Kmy Kmo, Aman RA, Malique dan Ernie Zakri, melalui pendekatan retorik, semiotik dan naratif moden. Analisis mendalam terhadap baris-baris lirik menunjukkan bahawa karya ini tidak sekadar berfungsi sebagai produk hiburan, tetapi juga sebagai teks budaya moden yang sarat dengan perlambangan, kritikan sosial dan pernyataan identiti. Unsur gaya bahasa seperti metafora, pengulangan, simbol budaya, serta adaptasi peribahasa telah digunakan secara strategik untuk membentuk naratif perjuangan, dendam, keadilan dan kekuatan institusi seperti polis. Gabungan teori retorik dramatism oleh Burke, semiotik oleh Barthes dan naratif mikro oleh Bamberg dan Georgakopoulou membolehkan penafsiran yang lebih kritikal terhadap makna tersirat dan kesan ideologi dalam teks ini.

Hasil kajian ini membuktikan bahawa lirik lagu rap kontemporari Melayu wajar diberi tempat dalam wacana akademik, setaraf dengan teks sastera moden yang lain. Lirik "Ayuh" telah memperlihatkan bagaimana unsur linguistik dan retorik digunakan untuk mengangkat nilai keberanian, keadilan dan kesatuan, serta bagaimana konflik peribadi dan kolektif dizahirkan melalui simbol dan naratif ringkas yang berkesan. Dapatkan ini membuka ruang kepada kajian lanjut terhadap lirik-lirik lagu lain dalam genre rap dan hip hop tempatan, terutamanya dalam membongkar wacana identiti, kuasa, dan trauma masyarakat Malaysia kontemporari melalui teks popular.

RUJUKAN

- Adnan, A. H. (2010). Analisis Semiotik Lirik Lagu-Lagu Gubahan P.Ramlee. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 21(1), 1-17.
- Bamberg, M., & Georgakopoulou, A. (2008). Small stories as a new perspective in narrative and identity analysis. *Text & Talk*, 28(3).
- Barthes, R. (1977). Image-music-text, trans. Stephen Heath (New York: Hill and Wang, 1977), 146.
- Burke, K. (1969). *A grammar of motives* (Vol. 177). Univ of California Press.
- Muhammad Faris Akram Rustu, & Idruwani Idrus, A. (2024). Penggunaan Retorik Dalam Lirik Lagu Teman Pengganti Karya Malique. *Jurnal Kesidang*, 2024(1), 64–74.
- Shah, S. M. (2006). Popular music in Malaysia: Education from the outside. *International Journal of Music Education*, 24(2), 132–139. <https://doi.org/10.1177/0255761406065474>.

Wafi bin Yunus, A., & Zubaidah binti Raja Mhd Shahnuddin, S. (2023). Penulisan Lirik Lagu Malique: Satu Analisis Retorik Moden Malique’s Song Lyrics Writing: A Modern Rhetorical Analysis. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 5(1).